

23/09/2003

Peluang melabur di Algeria

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai Malaysia dan Algeria berhubung pembinaan lebuh raya sepanjang 1,216 kilometer (km), akan merintis lebih banyak penyertaan syarikat tempatan dalam projek pembangunan prasarana di negara itu.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Lebuh Raya Timur-Barat di negara itu yang dianggar berharga RM12.6 bilion akan dibina konsortium Ranhill-Jawala membabitkan syarikat tempatan, Ranhill Berhad dan syarikat di Algeria, Jawala Corporation.

"Kewibawaan syarikat pembinaan tempatan melaksanakan pelbagai projek pembangunan di beberapa negara asing menjadi asas utama Algeria meminta bantuan kontraktor tempatan dalam membangunkan infrastruktur negara itu.

"Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ogos lalu mewujudkan satu persefahaman antara kedua-dua negara dan ini wajar dimanfaatkan syarikat pembinaan tempatan bagi merebut pelbagai peluang perniagaan di negara itu.

"Saya akan melawat Algeria dalam tempoh dua bulan lagi bagi melihat sendiri apa lagi bidang yang boleh diceburi usahawan tempatan di sana, khususnya sektor pembinaan," katanya pada sidang media selepas majlis makan tengah hari bersama Menteri Kerja Raya Algeria, Amar Ghoul, di sini semalam.

Ghoul berada di sini sejak Ahad lalu dalam rangka lawatan rasmi selama lima hari bersama delegasi 10 anggota sebagai susulan kepada lawatan Dr Mahathir yang menyaksikan MoU pembinaan Lebuh raya Timur-Barat ditandatangani pada 12 Ogos lalu.

Kata Samy Vellu, pembinaan Lebuh raya Timur-Barat di Algeria itu merangkumi laluan dua hala dua lorong yang boleh diperbesarkan kepada tiga lorong selain membabitkan pembinaan jambatan, terowong serta kira-kira 18 persimpangan.

Lebuh raya yang dibina mengikut spesifikasi kegunaan kenderaan pada had laju antara 100 hingga 120 km sejam itu turut dilengkapi dengan kawasan rehat dan rawat sepanjang laluan 1,216 km itu.

Buat masa sekarang, Konsortium Ranhill-Jawala masih melakukan kajian awal berhubung pembinaan lebuh raya itu, termasuk aspek kejuruteraan dan undang-undang selain mengadakan perbincangan dengan beberapa institusi kewangan mengenai pembiayaan projek berkenaan.

Samy Vellu menjangka kerja pembinaan dapat dimulakan dalam tempoh setahun dari sekarang dan tidak menolak kemungkinan syarikat tempatan akan dipertimbangkan lagi bagi melaksanakan projek pembinaan pelabuhan dan lapangan terbang di Algeria.

Algeria adalah negara perdagangan ketiga terbesar bagi Malaysia daripada 46 negara Afrika selepas Mesir dan Afrika Selatan.

Tahun lalu, eksport Malaysia ke Algeria berjumlah 431.0 juta berbanding 116.6 juta pada 2001 manakala import 9.4 juta tahun lalu berbanding 23.2 juta pada 2001.

Samy Vellu berkata, setakat ini firma tempatan sudah menceburi bidang pembinaan di India, Qatar, Bahrain, Kemboja, Bosnia-Herzegovina, China, Vietnam, Sudan dan Sri Lanka. India adalah pasaran terbesar dengan lebih 40 projek bernilai sekitar RM7.6 bilion diikuti Sri Lanka (RM1.14 bilion).